



29 JUN, 2020

Dana RM350 juta disalurkan menerusi Agrobank

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Dana RM350 juta disalurkan menerusi Agrobank

PUTRAJAYA - Dana Pembiayaan Mikro Kredit Agro Makanan berjumlah RM350 juta kepada komuniti agro yang terjejas akibat pandemik koronavirus (Covid-19) akan disalurkan menerusi Agrobank.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, dana tersebut disalurkan untuk membantu usahawan mikro yang terlibat dalam sektor agromakanan terutama komuniti agro di bawah kategori B40 yang terjejas kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menampung kos operasi perniagaan mereka.

“Dana ini akan memberi peluang kepada usahawan mikro untuk mendapatkan



RONALD KIANDEE

modal pusingan bagi perniagaan mereka.

“Ia juga merupakan galakan kepada usahawan baharu yang ingin menceburi bidang agromakanan sebagai modal permulaan selain tu-

rut membantu pengusaha sedia ada terutama peniaga pasar tani, pasar nelayan dan pasar pagi,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata demikian sempena sambutan Hari Antarabangsa untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKS) sepertimana yang telah diwartakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tarikh 27 Jun setiap tahun.

Pengumuman itu dibuat beliau susulan kenyataan Per-

dana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin akan peruntukkan dana berjumlah RM350 juta yang dikhususkan untuk Dana Agromakanan menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) pada 5 Jun lalu.

Susulan itu, Ronald turut mengumumkan kementerianya menasarkankan lima kelompok usahawan mikro daripada sektor agromakanan iaitu usahawan tani di bawah Agensi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), nelayan di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) dan pesawah padi.

Ia turut disasarkan kepada perniagaan baharu berasaskan pertanian, hiliran dan makanan serta perusahaan sedia ada berasaskan pengeluaran tani termasuk usahawan mikro.



29 JUN, 2020

Dana RM350 juta disalurkan menerusi Agrobank

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PUTRAJAYA - Dana Pembiayaan Mikro Kredit Agro Makanan berjumlah RM350 juta kepada komuniti agro yang terjejas akibat pandemik koronavirus (Covid-19) akan disalurkan menerusi Agrobank. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, dana tersebut disalurkan untuk membantu usahawan mikro yang terlibat dalam sektor agromakanan terutama komuniti agro di bawah kategori B40 yang terjejas kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menampung kos operasi perniagaan mereka.